

126  
SOALAN NO.: 351

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN :            BERTULIS  
DARIPADA        :        YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
KAWASAN        :        KOTA KINABALU**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan, perancangan, perbelanjaan, jenis-jenis kerja bagi lebuh raya persisiran Tuaran-Kudat, Jalan Persisiran Kg Ice Box-Batu 4 Jalan Apas, Jalan Kalabakan-Keningau, Jalan Penampang-Papar, Jalan Tawau-Semporna dan sebagainya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat Kota Kinabalu sedia maklum, jalan pesisir pantai Tuaran – Kudat merupakan sebahagian daripada Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo dengan anggaran jarak 123 km. Pakej-pakej yang terlibat dalam jajaran ini dijangka selesai proses tender pada penghujung tahun 2017.

Manakala Jalan Persisiran Kg Ice Box – Batu 4 Jalan Apas adalah berstatus jalan negeri dan tiada perancangan naik taraf daripada Kerajaan Persekutuan buat masa ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Kalabakan – Keningau adalah berstatus jalan negeri yang di senggara oleh Kerajaan Negeri Sabah (JKR Sabah) menggunakan peruntukan MARRIS yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri setiap tahun.

Bagi naik taraf Jalan Penampang – Papar kepada jalan berkembar empat lorong, terdapat pelaksanaan projek di bawah peruntukan pembangunan yang dibahagikan kepada 3 pakej. Pakej 1 projek tersebut telah siap pembinaan pada Mac 2017 manakala baki 2 pakej masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada penghujung tahun 2018.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Tawau – Semporna terdiri daripada 3 pakej. Pakej 1 terbahagi kepada dua (2) fasa yang melibatkan kerja-kerja naik taraf kepada jalan

berkembar empat lorong dari Simpang Lapangan Terbang Tawau sehingga ke Bulatan Check Point. Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada tahun 2017 menggunakan peruntukan pembangunan. Manakala Fasa 2 yang merupakan sebahagian daripada Fasa 1 Projek Lebuhraya Pan Borneo dijangka siap pembinaan pada suku pertama tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

RT23/352

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN DARIPADA  
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Ust. Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan cadangan pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) yang dipersetujui Kabinet daripada syor Jawatankuasa Peringkat Tertinggi Pasukan Petugas Khas Sekolah-Sekolah Tahfiz.**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Cadangan pindaan Akta Pendidikan 1996 oleh jawatankuasa tersebut sedang diteliti dan diperhalusi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebelum tindakan selanjutnya diambil. Pada masa ini, peruntukan di bawah seksyen 52, Akta Pendidikan 1996 [AKTA 550] telah memperuntukkan kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk menyalurkan bantuan kewangan kepada institusi pendidikan Islam yang tidak ditubuhkan atau disenggarakan oleh Menteri Pendidikan atau Kerajaan Negeri.

Berdasarkan peruntukan seksyen 52 tersebut, KPM boleh menyalurkan bantuan kepada sekolah tahfiz yang menjalankan pendidikan agama Islam semata-mata. KPM sentiasa mengalu-alukan mana-mana institusi pendidikan agama Islam termasuklah sekolah tahfiz turut melaksanakan Kurikulum Kebangsaan dan mendaftar dengan KPM.

RT23/352

**SOALAN ( 353 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN  
AMAN RAZALI  
[KUALA NERUS]**

**SOALAN :-**

**YB UST. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA  
NERUS] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah rumah mampu milik  
yang perlu dibina bagi tempoh 2016 hingga 2020 bagi memenuhi  
permintaan dan jumlah rumah yang telah dibina sehingga sekarang serta  
langkah bagi menangani peningkatan dan paras harga rumah yang tinggi.**

132

Jawapan :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memenuhi permintaan rumah mampu milik di kalangan rakyat, kerajaan telah menetapkan matlamat membina 1 Juta Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara bagi tempoh 5 tahun dari 2013 hingga 2018. Status pelaksanaan Program 1 Juta RMM adalah seperti berikut:

**STATUS PELAKSANAAN PROGRAM 1 JUTA RMM**

**2013 - 15 OKTOBER 2017**

BIL	STATUS PERLAKSANAAN	BIL. UNIT	PERATUS
1.	Siap	255,341	22.97 %
2.	Dalam Pembinaan	285,097	25.65%
3.	Dalam Perancangan	432,415	38.9%
4.	Baki Komitmen	138,775	12.48%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,111,628</b>	<b>100.00%</b>

**Nota :**

**Peratusan Kementerian adalah berdasarkan 1,111,628 juta**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat juga, bagi menangani peningkatan paras harga rumah yang tinggi, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengekang kenaikan harga rumah seperti berikut:

- 1) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;
- 2) Harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing adalah RM1 Juta seunit;
- 3) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- 4) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan Developer Interest Bearing Scheme (DIBS) mulai November 2013 bagi mengelakkan peningkatan kos jualan harga rumah dengan memasukkan kadar faedah tertunggak semasa pembinaan perumahan berkenaan;
- 5) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu maupun syarikat;

- 134
- 6) Bank Negara telah mengeluarkan panduan mengenai Loan To Value (LTV) mulai tahun 2013 bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja ; dan

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017